UTUSAN SARAWAK 3/7/98
Unimas - Fakulti

# Konsert lagu puisi Unimas meriah

[Wart]awan Hiburan
[Ole]h Saiful Sabri

[KO]NSERT lagu-lagu puisi [di G]odown Amphiteatre, [p]ingan Kuching oleh [Faku]lti Seni Gunaan Kreatif (FSGK) Unimas malam semalam, mendapat sambutan menggalakkan.

Tujuan konsert kali ke-8 ini diadakan adalah untuk membawa masyarakat hari ini terutamanya penuntut baru Unimas menghayati secara mendalam di samping meminati lagu-lagu puisi.



Persembahan Dr. Wan Zawawi turut memukau peminat yang hadir menyaksikan konsert tersebut.

Pengerusinya Dr Wan Zawawi berkata, selain itu konsert yang membabitkan pelajar Unimas itu juga cuba mendedahkan kepada masyarakat secara keseluruhannya tentang pentingnya lagu-lagu puisi dihidupkan kembali dan tidak terkubur begitu sahaja.

Tambahnya, konsert itu juga memberi ruang dan peluang kepada penuntut Unimas mendalami lagu-lagu berkenaan di samping menampilkan kebolehan mereka.

"Aktiviti seperti ini juga akan dapat mewujudkan hubungan dua hala di antara pelajar dan orang ramai," katanya.

Konsert yang berlangsung selama tiga jam itu diserikan oleh Fifth Wave Band yang diundang khas dari Pusat Kebudayaan. Malah Dr Wan Zawawi juga tidak kurang hebat dengan persembahannya yang cukup memukau.



Di antara peserta yang turut terlibat dalam persembahan itu.

UTUSAN SARAWAK. ( 1998 , JULY 3 ).